



SOALAN LAZIM

Sila baca **SOALAN LAZIM**
PROSPER GROW sebelum anda
ingin memohon

PROSPER
GROW



punbofficial



mohon sekarang : www.punb.com.my

PENERANGAN UMUM

1. APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PENYEMAKAN PROSPER GROW?

Penyemakan ini merujuk kepada pengurangan kadar pembiayaan kepada 3.5% setahun (kadar rata) bagi Tawarruq Working Capital Facility (Non-Revolving) (Kemudahan 'TWQ').

2. BILAKAH KADAR BAHARU INI BERKUAT KUASA?

Kadar semakan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

3. ADAKAH PENYEMAKAN INI TERPAKAI KEPADA SEMUA PRODUK DI BAWAH PROSPER GROW?

Semakan ini hanya terpakai kepada kemudahan TWQ sahaja.

4. ADAKAH PENYEMAKAN INI TERPAKAI KEPADA PEMBIAYAAN SEDIA ADA YANG TELAH DILULUSKAN DI BAWAH PROSPER GROW?

Ya. Kadar yang disemak ini terpakai kepada semua kemudahan TWQ di bawah PROSPER GROW yang diluluskan pada atau selepas 1 Januari 2026.

5. APAKAH KESAN SEMAKAN INI TERHADAP TERMA PEMBIAYAAN SAYA?

Semua terma lain yang telah diluluskan seperti jumlah pembiayaan, tempoh dan struktur kemudahan kekal tidak berubah kecuali ansuran bulanan dan harga jualan asal.

6. ADAKAH PENYEMAKAN INI AKAN MENJEJASKAN PENGELUARAN PEMBIAYAAN?

Penyemakan ini merupakan pelarasan pentadbiran dan akan diuruskan bagi mengurangkan sebarang kesan terhadap tempoh pengeluaran dana.

7. ADAKAH SAYA PERLU MENGEMUKAKAN DOKUMEN TAMBAHAN UNTUK MENIKMATI KADAR KEUNTUNGAN YANG DISEMAK ATAU REBAT?

Tidak. Semua pelarasan yang berkaitan akan diproses secara automatik oleh PUNB tanpa memerlukan dokumen tambahan daripada usahawan.

8. SIAPAKAH YANG BOLEH DIHUBUNGI UNTUK PERTANYAAN LANJUT BERKAITAN AKAUN PEMBIAYAAN SAYA?

Anda boleh menghubungi Pegawai Kes / Pegawai Pemantauan anda yang ditugaskan atau Pusat Khidmat Pelanggan PUNB untuk bantuan lanjut.

**Bagaimanakah Semakan Ini Akan Memberi Kesan Terhadap Pembiayaan Saya:
[KES 1: PENGELUARAN BELUM DISALURKAN]**

9. PERMOHONAN SAYA TELAH DILULUSKAN TETAPI SAYA BELUM MENANDATANGANI SURAT TAWARAN. APAKAH YANG BERLAKU SETERUSNYA?

Anda akan menerima Surat Tawaran yang telah dikemas kini dengan kadar keuntungan baharu yang diselaraskan untuk semakan dan penerimaan anda.

10. SAYA TELAH MENANDATANGANI SURAT TAWARAN TETAPI DANA BELUM DIKELUARKAN. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN?

PUNB akan mengeluarkan Surat Tawaran Variasi yang memperincikan kadar keuntungan yang baharu untuk penerimaan anda. Proses ini akan diteruskan selaras dengan dasar dan prosedur dalaman PUNB bagi tujuan pengeluaran.

Bagaimana Semakan Ini Akan Memberi Kesan Terhadap Pembiayaan Saya: [KES 2: PEMBIAYAAN TELAH DIKELUARKAN]

11. KEMUDAHAN TWQ SAYA TELAH DIKELUARKAN. BAGAIMANA KADAR KEUNTUNGAN YANG DISEMAK INI MEMBERI KESAN KEPADA PEMBIAYAAN SAYA?

Bagi Kemudahan TWQ, semakan kadar keuntungan ini akan mengurangkan keuntungan yang dikenakan di bawah Harga Jualan asal melalui pemberian rebat. Ini akan mengurangkan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar di bawah pembiayaan ('Jumlah Penyelesaian Keseluruhan'). PUNB akan mengeluarkan Notis Variasi kepada usahawan untuk memaklumkan mengenai perubahan tersebut.

12. BILAKAH SAYA AKAN MENERIMA JADUAL BAYARAN YANG DIKEMAS KINI?

PUNB akan menyediakan jadual bayaran yang dikemas kini dalam masa yang terdekat melalui Pegawai Pemantauan anda atau boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 1300 13 7862 untuk bantuan.

13. ADAKAH ANSURAN BULANAN SAYA AKAN BERUBAH?

Ya. Ansuran bulanan akan disemak semula sejajar dengan semakan kadar keuntungan. Sebarang bayaran yang telah dibuat akan diselaraskan oleh PUNB. Sebarang lebihan bayaran akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan atau boleh digunakan untuk menyelesaikan sebarang jumlah tertunggak atau perlu dibayar oleh anda di bawah kemudahan pembiayaan ini atau mana-mana kemudahan pembiayaan lain dengan PUNB.

14. ADAKAH REBAT INI TERPAKAI KEPADA KEMUDAHAN PEMBIAYAAN LAIN YANG TELAH DIKELUARKAN?

Tidak. Rebate ini hanya terpakai kepada Kemudahan TWQ di bawah PROSPER GROW.

-TAMAT-